



**KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI MELAKA**

Aras 5, Menara Persekutuan
Jalan Persekutuan
75450 Ayer Keroh, Melaka

Tel : 06-289 5000
Faks : 06-234 5201 / 5202 / 5207
Web : <https://melaka.anm.gov.my>

Ruj. Kami : ANM(UKPP)MEL/12 Jld. 2(11)
Tarikh : 28 Februari 2024
Bersamaan : 18 Sya'ban 1445H

**Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
Di bawah Seliaan JANM Melaka**

YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan,

ARAHAN KERJA BIL 11/2024/P: PENGUMPULAN MAKLUMAT PEGAWAI DI PTJ

Dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk dan Arahan Kerja Bil 46/2023/P di dalam kandungan yang sama bertarikh 09 Oktober 2023 adalah berkaitan.

2. Jabatan ini mengambil maklum bahawa terdapat banyak pertukaran pegawai di PTJ bawah seliaan JANM Melaka. Oleh itu, Jabatan ini dalam proses mengemaskini data pegawai di semua PTJ. Maklumat ini bertujuan bagi melancarkan komunikasi antara PTJ dengan Jabatan ini dalam memastikan semua informasi dan arahan kerja disalurkan dengan lebih efektif dan berkesan.

3. Sehubungan itu, pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Tuan/Puan dikehendaki untuk melengkapkan borang melalui pautan <https://forms.gle/sCtWWiaZkBsCW1kf7> sebelum atau pada **29 Mac 2024 (Jumaat)**. Jabatan ini memerlukan **maklumat Ketua PTJ dan pegawai yang terlibat secara langsung** dengan urusan berikut:-

- 3.1 Kewangan;
- 3.2 Pengurusan dan Perakaunan Aset;
- 3.3 Gaji; dan
- 3.4 Kertas Kerja Sokongan (KKS).

4. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai Unit Pengurusan Prestasi (UPP) di bawah atau e-mel di upp_mlk@anm.gov.my :-

<u>Bil.</u>	<u>Nama</u>	<u>No.Telefon</u>	<u>E-mel</u>
i.	Puan Suriyati Binti Ab Rahman	06-2895017	suriyati.abrahman@anm.gov.my
ii.	Encik Mohd Saiful Bin Rezali	06-2895019	saiful.rezali@anm.gov.my
iii.	Puan Siti Baizurah binti Abd Aziz	06-2895078	baizurah.aziz@anm.gov.my

5. Kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/Datin/Tuan/Puan di dalam perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

"MELAKAKU MAJU JAYA, RAKYAT BAHAGIA, MENGGAMIT DUNIA"


"BIJAK LAKSANA TUAH, BERANI LAKSANA JEBAT"

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Memperkasakan Budaya Inovasi Pendigitalan"

Saya yang menjalankan amanah,


(MOHD ASRI BIN YUSOF ACMA, CGMA, ASEAN CPA, CPFA(UK), C.A(M))

Pengarah Negeri

Jabatan Akauntan Negara Malaysia Negeri Melaka.